

Rujukan Kami : POLIMAS/UPLI/PPP-07/11-5 Jld. 3 (152)

Tarikh : 7 Mei 2025

SEMUA PELAJAR LI SESI II : 2024/2025

Saudara/saudari,

PENGESAHAN TAMAT DAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI SESI II : 2024/2025

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa proses Pengesahan Tamat dan Penilaian Latihan Industri (PTLI) Sesi II : 2024/2025 bagi kod kursus LI – DUT600610 akan dilaksanakan secara **bersemuka*** sepenuhnya mengikut ketetapan berikut:

PERKARA	TARIKH TAMAT LI	TEMPAT	TARIKH PTLI
Pengesahan Tamat Dan Penilaian LI	22/23 MEI 2025 (KHAMIS/JUMAAT), atau tarikh lain seperti Lampiran A	Pejabat / Ruang Kerja Pensyarah Penilai (PP)	Rujuk LAMPIRAN A

3. Sehubungan itu, semua dokumen berkaitan perkara di atas hendaklah diemel atau dihantar selewat-lewatnya pada hari Pengesahan Tamat & Penilaian LI dilaksanakan. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut :

- | | |
|---|--|
| i. Lampiran 1 | } melalui emel :
somsi@polimas.edu.my |
| ii. Borang Penilaian (mengikut kod LI masing-masing) | |
| iii. Surat Pengesahan Tamat LI | |
| iv. Jurnal Refleksi | |
| v. Cetakan Slaid Pembentangan (termasuk fail <i>softcopy</i>) | |
| vi. Laporan Akhir Latihan Industri yang telah dijilid (comb binding), | |
| vii. Lain-Lain Dokumen seperti Sijil Cuti Sakit dan lain-lain (jika berkaitan), | |
| viii. Maklum Balas Pelajar melalui link https://forms.gle/zCLw7PPKJKUQeqwn6 | |
| ix. Pengesahan Kehadiran Taklimat Kursus <i>Upskilling & Promosi Akademik*</i> (pelajar JKE dan JKM sahaja) | |
| x. Komputer Riba (laptop) | |

**berdasarkan rekod kehadiran di lokasi (secara imbasan Kod QR) – semakan UPLI*

4. Bagi pelajar yang terlibat dengan kod kursus LI - DUT60019, **TIADA** proses Pengesahan Tamat & Penilaian LI secara bersemuka. Sebaliknya, kumpulan pelajar ini hanya perlu memastikan semua dokumen (pohon rujuk **LAMPIRAN B**) telah dihantar mengikut tarikh/tempoh yang ditetapkan. Sila rujuk **LAMPIRAN 2** bagi tujuan penghantaran Jurnal Refleksi dan Laporan Akhir Latihan Industri.


5. Sila ambil maklum, sebarang kelewatan atau keingkaran tindakan saudara/saudari berhubung perkara ini boleh menyebabkan kelewatan keputusan penilaian LI atau saudara/saudari boleh dicadangkan keputusan Gagal LI bagi sesi berkenaan. Sebarang kemusykilan atau pertanyaan (jika ada), saudara/saudari boleh menghubungi Pegawai Perhubungan & Latihan Industri (Latihan) di talian 017 – 447 8676. Kerjasama dan perhatian penuh saudara/saudari berhubung perkara ini, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR MHD AZMIN BIN MAT SEMAN)

b.p Pengarah
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

- s.k
1. Ketua Jabatan Akademik
 2. Ketua Penyelaras Latihan Industri Jabatan, KPLIJ
 3. Penyelaras Latihan Industri Jabatan, PLIJ
 4. Ketua Unit Sistem dan Teknologi Maklumat, USTM – hebahan melalui laman sesawang
 5. Fail UPLI